

"Congrats! It's a girl," kata doktor.

Tersangat bersyukur atas nikmat ini lalu saya memandang suami yang kelihatan tersenyum lebar mendengar kata doktor tersebut. Pelang ini kami merakan bertia gembira ini di *Indoor Cafe Syar' Jannah* sambil menikmati secangkir kopi Arab dan *latte*.

"Eh sayang! Tak sangka kan kita dah nak ada anak... Macam baru je akad nikah semalam. Hehe." Katanya berseloroh,

"Abang harap sangat dia menjadi seorang anak yang solehah dan bijak."

Saya mengangguk tanda mendoakan kata-katanya tetapi pelbagai perkara sedang berlegar dalam kotak fikiran ini.

Saya tiba-tiba terfikir tentang kertas kerja PhD bilakah akan dihantar kerana di University of Jordan ini kami wajib menghabsiskan 12 mata pelajaran terlebih dahulu sebelum menghantar kertas kerja PhD. Tambahan pula, kerajaan Malaysia (KPT) pada ketika itu (tahun 2014) tidak membenarkan sebarang penambahan waktu dilakukan semasa belajar. Sekiranya mahu, tiada biasiswa diberi. Tempoh tawaran pada waktu itu hanya tiga tahun sahaja. Pada waktu itu saya baru sahaja menyelesaikan kesemua mata pelajaran dan berada pada tahun kedua semester satu. Setahun setengah juga untuk melangsakan kesemua 12 mata pelajaran berat itu. Bermakna saya hanya ada lagi setahun setengah sahaja untuk menulis tesis PhD!

"Ya Allah mudahkanlah perjalanan semua ini," bisik hati.

Saya sebenarnya teramat bersyukur atas semua kurniaan yang Allah beri dan kadang-kadang terfikir juga yang kehidupan ini sangat misteri; dengan siapa kita berkahwin, bagaimana pekerjaan kita, bagaimana rezeki kita, bagaimana ajal kita... termasuklah bagaimana perjalanan kita dalam PhD ini. Saya pun tidak menyangka dalam perjuangannya menyiapkan PhD ini, saya dianugerahkan suami dan mendapat anak sekali gus.